

SERABUT

Wardatul Husna Mislah Hudin
Universiti Sains Islam Malaysia

Tarikh diterbitkan: 9 Februari 2021

Luas dan gelap tanpa penghujung. Sepi. Gadis itu berjalan dan terus berjalan. Matanya tetap meliar memandang sekeliling. Kosong. ‘Aku di mana ni’, bermonolog dia sendiri sambil menggosok-gosokkan kepala mencari jawapan. Hanya perasaan ingin tahu membuak-buak sahaja yang menemani dirinya. Tiada langsung sekelumit rasa takut seakan-akan dia yakin tiada ancaman yang akan menghampiri dirinya. Kakinya tetap meneruskan langkah mencari sebarang petunjuk atau jalan keluar.

“Tap.. tap.. tap”

Setiap langkahnya mengeluarkan bunyi yang bergema yang berkemungkinan dia benar-benar berada di ruang yang kosong dan luas. Gadis itu merasakan setiap langkahnya seperti sedang menghampiri sesuatu. Perasaan aneh tiba-tiba muncul mengganggu emosinya yang kosong. Langkahnya terhenti. Ada penghadang di hadapan yang membataskan dirinya untuk meneruskan langkah. Tanpa berfikir panjang, dia menghulurkan kedua-dua tangan lalu menyentuh objek pepejal di hadapannya itu tanpa ragu-ragu. Satu aliran dirasakan mengalir laju ke dalam tubuhnya. ‘Aku bakal memiliki kuasa luar biasakah?’ Dia berdecit kecil mengenangkan filem Barat yang pernah ditontonnya sebelum ini. Bolehlah dia menggunakan kuasa itu untuk keluar daripada tempat asing ini. Dia memejamkan mata menantikan apa yang akan berlaku.

Sejenak dia membuka mata dan memusingkan kepala melihat ke kiri dan kanan. ‘Eh, tiada apa-apa pun yang berubah.’ Gadis itu masih berada di tempat yang sama. Jari jemarinya ligat menyentuh muka, mata, hidung, bibir dan meneliti tubuh badannya. Sama juga. Dia

masih berasa hairan. Dia tidak merasa apa-apa perubahan dalam dirinya. Mungkin tanggapannya salah.

“Lin!” Tiba-tiba muncul suara bergema yang memanggil namanya. Bukan seorang malah beberapa orang. Gadis yang bernama Lin itu melihat semula kiri dan kanannya tapi tiada sesiapa selain dirinya.

“Oi! Belakang kaulah.” Terus sahaja dia memalingkan tubuh ke belakang melihat siapa yang memanggil namanya. Dia terkejut. Figura-figura di hadapannya itu bukanlah asing bagi dirinya. Sangat dia kenali. Muka-muka yang sering dia tatap sewaktu zaman persekolahan dan universiti. Sudah lama dia tidak bersua muka dengan mereka.

“Korang buat apa di sini?” Lin memulakan perbualan yang penuh dengan tanda tanya.

“Eh, kau yang panggil kami, tanya kami pula”, jawapan salah seorang daripada mereka membuatkan dirinya semakin hairan. ‘Aku?’

“Itulah, tak lain tak bukan ni mesti kes rindu,” kata seseorang itu telah membuatkan yang lain ketawa sehingga ada yang mengalir air mata. Tanpa disedari, bibirnya tersenyum melihat telatah rakannya. Rindu. Ya, dia sangat-sangat rindu.

Senyuman Lin tiba-tiba menjadi kendur.

“Korang nak pergi mana?” Kehadiran mereka seperti semakin menjauh dan bakal pergi meninggalkannya.

“Bye, Lin! Jumpa lagi di dunia luar.”

Tidak semena-mena air matanya mengalir. Sekejap sahaja dia berasa tidak keseorangan.

“Jangan dilayankan sangat kalau Tam muncul,” pesan rakannya.

“Betul, Put pasti akan banyak bantu kau,” jawab mereka sambil melambai tangan kepadanya.

‘Dunia luar?’ ‘Tam? Put? Siapa mereka?’

Persoalan itu dibiarkan tidak terjawab. Lin meneruskan langkah ke arah lain. Dia berjalan dan terus berjalan. Lama kelamaan langkahnya terhenti lagi. Ada penghadang yang muncul di hadapannya buat kali kedua. Dia mengulangi perbuatan yang sama menyentuh pepejal itu dan menanti apa yang akan berlaku. Kali ini agak berbeza, aliran yang mengalir pada dirinya terasa agak sejuk pada tapak tangannya. Ada getaran yang mengganggu tangannya untuk bertenang. Kepalanya juga turut terasa berpusing-pusing. Dia duduk bersandar pada pepejal itu lalu menekup muka atas kepala lututnya.

“Apa yang aku takutkan?”

Dia berasa serabut seperti sedang diburu sesuatu. Satu persatu timbunan buku, tugas-tugas dan ujian peperiksaan mengelilingi dirinya. Jam berdetik tiba-tiba muncul memecahkan kesunyian yang sekian lama. Bunyi itu amatlah mengganggu konsentrasi Lin. Dia menutup telinga daripada bunyi berdesing itu.

“Tak perlu kisah dengan semua tu, ambil ni. Banyak seronok tau.” kata seseorang yang tiba-tiba muncul di sebelahnya sambil menyukan Lin sebuah alat yang memancarkan cahaya. Lin mengambil alat canggih itu tanpa ragu-ragu lalu jarinya menyentuh skrin dan membuka segala aplikasi yang ada. Banyak hiburan yang dilayan sambil gelak tawa yang tidak henti. Dia berasa seronok sehingga dapat melupakan akan perasaan gelisah sebentar tadi. Mudahhanya.

“Tik”

“Tik”

“Tik”

Bunyi gema detik jam turut hanyut dalam keasyikannya dan dia sudah tidak khawatir tentang itu. Berjam-jam waktu berlalu tanpa disedarinya. Dia membaca cerita-cerita hangat melalui platform media sosial kegemarannya diselangi dengan menguap. Dia merasa sangat mengantuk.

“Tidur sahajalah, hilang semua masalah. Hehehe.” Figura itu masih di situ setia menemaninya. Lin melihat sekelilingnya yang masih banyak dengan timbunan tugas yang belum disentuh olehnya. ‘Tidur dululah, nanti sahajalah aku siapkan.’ Sekelip mata sahaja, dia sudah tidur lena.

“Tam, apa kau buat di sini! Kau jangan ganggu dia lama-lama ya!” Put yang baru sahaja muncul begitu berang dengan tindakan Tam menghasut Lin. Tam suka benar dengan keseronokan. Dia juga suka bermalas-malasan sepanjang masa.

Lin mengesat matanya dan melihat jam yang berdetik itu. ‘Ha! Lamanya aku tidur!’ Dia terkejut melihat waktu yang berlalu dengan pantas. Perasaan gelisahnya semakin menguasai diri dan dia masih belum membuat persediaan untuk pembentangan esok hari. Simptom-simptom takutnya muncul kembali.

“Tidak apa Lin, bertenang. Perasaan risau itu tidak akan menyelesaikan masalah malah akan menambah bebanan lagi. Siapkan satu-satu.” Put cuba menenangkan Lin yang gelisah itu dengan lembut.

Lin cuba untuk bertenang dan memulakan tugas yang paling dekat dengan tarikh akhir penghantaran. Dia sudah terlalu lama berehat dan sekarang dia perlu bekerja. Timbunan tugas tadi sudah mula runtuh, hanya tinggal beberapa sahaja. Jika dirinya diibaratkan seperti cas bateri, mungkin kuasanya yang terkini hanya tinggal kurang daripada suku.

Lin bangun lalu langkahnya diteruskan meninggalkan kawasan itu buat sementara. Kali ini dia kelihatan ceria. Setiap langkahnya seperti kanak-kanak riang yang melompat kiri kanan dan menghayun tangan depan belakang sambil mulutnya terkumat kamit menyanyi lagu yang dia sendiri tidak pasti. Jarang dia berasa energi seperti ini. Dia baru sahaja menyedari kehadiran figura yang mengikutnya dari tadi. Mereka saling berpandangan.

“Hai, nama saya Put.” Put memulakan perbualan dengan senyuman yang manis.

“Hai Put, saya Lin.” Dia seakan-akan pernah mendengar nama itu tapi dia lupa.

“Tahu,” jawab Put bersahaja.

Lin hairan. Bagaimana dia boleh tahu. Mereka pernah bertemu ke sebelum ini. Belum sempat dia ingin bertanya.

“Aduhh!” Dengan tidak semena-mena dia terlanggar penghadang yang sama lagi. Lin menggosok-gosok dahinya yang terhempap tadi. Keceriaan sebentar tadi dengan sekelip mata sudah hilang bak debu yang berterbangan. Ketenangannya turut sama pergi. Dia merasakan tekanan sehingga menimbulkan kemarahan. Put terkejut dengan perubahan Lin. Sedaya upaya dia cuba berkata-kata lembut pada Lin untuk meredakan tekanannya.

‘Bumm!’ Satu batu besar jatuh betul-betul di sebelah mereka. Terketar-ketar Put kerana terkejut dengan batu yang jatuh itu.

“Petanda tidak baik ni.” Put dapat merasakan Lin betul-betul dalam tekanan. Banyak huruf-huruf yang berlegar di ruang udara sehingga mereka berlanggaran membentuk sebuah perkataan. Kertas-kertas turut berterbangan seperti ada ribut yang kuat. Satu persatu gambaran masalah muncul di sekeliling Lin yang menjejaskan ketenangannya. Baru sahaja dia berasa bersemangat. Kini, dia berada di tengah-tengah ribut.

Pada ketika itu, Tam muncul cuba berkomunikasi dengan Lin.

“Lebih baik kau pergi dari sini, lari jauh-jauh.”

Tanpa berfikir panjang, Lin lari daripada kawasan tersebut. Dia tidak mampu untuk menghadapi situasi yang penuh dengan keserabutan dan kekacauan itu. Tapi malangnya, ribut itu tetap mengikutinya ke mana sahaja dia pergi.

“Arghhhhh! Tolong!” Dia menjerit meminta tolong supaya ada yang boleh menghentikan ribut itu.

“Berhenti Lin!” Put sedaya upaya menyuruh Lin supaya berhenti tetapi tidak didengari dan dipedulinya. Put cuba mengejar sehingga berada di sebelah Lin.

“Put! Apa yang aku perlu lakukan sekarang ini?!”, Lin sudah tiada hala tuju dan buntu.

“Lin perlu berhenti daripada berlari dan bertenang.” Put menasihatinya.

“Bagaimana aku nak bertenang dengan situasi begini?! Kalau aku berhenti, mungkin aku akan ditelan dalam ribut itu. Kau tiada jalan penyelesaian lain ke?”

Nasib baik Put sudah mengikat Tam sebentar tadi supaya dia tidak memburukkan lagi keadaan. Jika tidak, pasti dia akan mengambil kesempatan lagi dalam situasi begini.

“Put sendiri tidak mampu mengubah apa-apa. Saya hanya dapat menasihati yang perlu sahaja. Semuanya terletak pada Lin.”

Lin cuba untuk menghadam kata-kata Put. Apa yang dikatakan Put ada betulnya juga. Tiada guna dia terus berlari jika tiada tujuan dan masih tiada perubahan. Dia juga sudah berasa penat untuk terus berlari. Perlahan-lahan dia memberhentikan lariannya dengan pernafasan yang tercungap-cungap. Badannya dibongkokkan dan kedua-dua tangannya ditekap pada lututnya. Perlahan-lahan dia menegakkan diri dan melihat dirinya yang masih sempurna tidak ditelan dalam ribut. Dia menarik nafas dalam-dalam dan menghembuskannya

berulang kali. 'Aku perlu tenang'. Semua kekacauan itu masih berlegar di ruang udara di kelilingnya tetapi lebih tenang daripada sebelum ini.

Tekanan yang dirasakan sebelum ini sudah hampir beransur pergi satu persatu. Satu-satu dia cuba memahami dan memperbaiki kekacauan itu. Tiada lagi ribut dan objek-objek yang berlegar di ruang udara lagi. Dia betul-betul berasa penat sekarang ini.

"Terima kasih Put banyak tolong saya," Lin gembira Put sentiasa berada di sisinya untuk menyedarkan kesilapan yang dia lakukan.

"Lin dah banyak berusaha dan berkorban." Put menghulurkan sebuah bantal kepada Lin untuk berehat sambil tersenyum bangga dengan tindakan Lin.

Lin ingin meneruskan perjalanannya tetapi dia mahu berehat terlebih dahulu. Dia meletakkan kepalanya di atas bantal yang sangat empuk itu dan melepapkan matanya dengan senyuman yang masih terukir di bibirnya.

"Lin bangun, bangun."

Bahunya digoyang-goyang oleh seseorang. 'Haih apa lagi yang Put nak ni.' Dia tidak suka betul bila tidurnya dinganggu. Rehatnya masih belum puas lagi. Matanya dipaksa juga untuk dibuka. Mungkin ada perkara penting yang Put ingin beritahu. Dia terkejut. Segar terus matanya melihat sekelilingnya. Cerah. Dia berada di dalam sebuah bilik tidur.

Lin sedang duduk di atas kerusi dan di hadapannya ada meja belajar dengan kertas-kertas yang sudah terkesan dengan air liurnya. Air liurnya dikesat dan dia terus ketawa sendiri.